

Wilayah Ku

MEDIA WARGA KOTA

● BIL 100 ● 17 - 19 FEBRUARI 2021 ● PP19441/12/2018 (035014) SEBARAN UMUM

www.wilayahku.com.my

@ wilayahku.com.my

f Wilayahku

@akhbarwilayahku

Wilayahku

WK TV

Saringan kesihatan sebelum suntikan vaksin COVID-19

Tiada mikrocip

SEBANYAK 312,390 dos vaksin Pfizer-BioNTech COVID-19 akan diterima dalam penghantaran pertama ke Malaysia pada 21 Februari ini.

Namun, majoriti rakyat Malaysia enggan mengambilnya dek kerana terpengaruh dengan berita palsu kononnya ia adalah agenda iluminati selain mempercayai dakwaan terdapat mikrocip di dalamnya, walaupun rakyat di beberapa negara luar sudah menerima suntikan tersebut.

Menepis dakwaan tersebut Bekas Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan), Datuk Dr Rohazat Yon menjelaskan, kaedah messenger RNA (mRNA) yang digunakan dalam penghasilan vaksin terbukti selamat dan berkesan malah ia sangat kecil dan tidak mungkin dapat dimasukkan mikrocip.


Malah, pada masa sama,

kerajaan melancarkan Buku Panduan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan yang mengandungi maklumat berkaitan termasuk jenis vaksin yang akan digunakan serta pandangan agamawan bagi memastikan rakyat memahami tujuan suntikan vaksin.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin juga menyatakan, saringan sejarah kesihatan serta alahan individu akan dijalankan terlebih dahulu untuk memastikan kesesuaian menerima suntikan vaksin COVID-19, pemantauan akan dibuat selama 15 hingga 30 minit di pusat pemberian vaksin.

Untuk makluman, antara negara luar yang sudah melaksanakan suntikan vaksin dan imunisasi adalah Amerika Syarikat, United Kingdom, Singapura dan Indonesia.

BERSAMBUNG DI MUKA 2



Dapur It'am: MAIWP-JAWI peruntuk RM1.34 juta ➤6

Rebut peluang Program Peniagaan Usahawan Anak Muda Kota di Berjaya Times Square

Peluang niaga di Berjaya Times Square ➤5

Gerobok Rezeki SKDK (2) sambut ulang tahun penubuhan pertama ➤10



ANNUAR melihat keadaan anak Saniah yang terlantar sakit baru-baru ini.

Kesusahan Saniah dapat perhatian Annuar, YWP

'BERAT mata memandang, berat lagi bahu yang memikul'. Demikian keadaan Saniah Taib yang tinggal bersama anak-anaknya di dalam sebuah bilik sewa di Lorong Haji Taib, Chow Kit, Kuala Lumpur.

Kedaannya yang miskin dan daif sehingga terpaksa menolak anaknya yang kelainan upaya untuk mencari rezeki mendapat perhatian Menteri Wilayah

Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa.

Ekoran itu, beliau bersama Yayasan Wilayah Persekutuan yang diwakili Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Zaizalnizam Zainun turun menziarahi Saniah dan anak-anak.

Sumbangan turut diberikan bagi meringankan beban keluarga itu.

WK

NGO, ketua masyarakat perlu galakkan rakyat mendaftar

Vaksinasi berfasa mula 26 Februari

NAZWIN NAZRI

PROGRAM Imunisasi COVID-19 Kebangsaan akan mula dilancarkan secara berfasa pada 26 Februari ini selepas dijangka tiba di Malaysia pada Ahad nanti.

Menyedari banyak pihak yang ragu-ragu tentang keberkesanannya selain dipengaruhi pelbagai khabar angin, Perdana Menteri, **Tan Sri Muhyiddin Yassin** berkata, beliau akan menerima suntikan vaksin itu pada hari pertama pelaksanaan program bersama-sama petugas barisan hadapan.

Menurut beliau, fasa pertama program itu akan melibatkan petugas barisan hadapan bermula 26 Februari sehingga April diikuti fasa kedua melibatkan kumpulan berisiko tinggi (April sehingga Ogos) dan fasa ketiga iaitu golongan dewasa berumur 18 tahun ke atas (Mei

hingga Februari 2022).

Beliau berkata, program imunisasi menyeluruh itu adalah untuk memastikan imuniti kelompok dapat dibentuk dalam komuniti agar dapat memutuskan rantaian penularan jangkitan COVID-19 sekaligus diharap dapat menamatkan pandemik yang melanda.

"Ringkasnya, vaksinasi amat penting untuk kita melindungi bukan sahaja diri sendiri, tetapi juga orang tersayang iaitu ahli keluarga, rakan kerja, jiran sekeliling dan seluruh komuniti."

"Inilah juga maksud slogan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan yang saya perkenalkan secara rasmi, iaitu Lindung Diri, Lindung Semua," katanya yang turut yakin pelaksanaan itu memberi impak positif.

Muhyiddin berkata demikian selepas melancarkan Buku Panduan Program Imunisasi


COVID-19 Kebangsaan yang memberi penerangan dengan lebih lanjut berhubung dasar program imunisasi.

Hadir sama Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Adham Baba serta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Khairy Jamaluddin yang merupakan Pengurus Bersama Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV).

Buku panduan itu boleh dimuat turun menerusi laman web www.VaksinCovid.gov.my.

Mengulas lanjut, Muhyiddin berkata, saringan sejarah kesihatan dan alahan individu akan dijalankan terlebih dahulu untuk memastikan kesesuaian menerima suntikan vaksin COVID-19 selain diberi pemantauan selama 15 hingga 30 minit di pusat pemberian vaksin bagi memastikan tiada reaksi alahan yang serius berlaku.

Perdana Menteri turut menyata-



MUHYIDDIN ketika berucap melancarkan Buku Panduan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan.

takan, agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan ketua masyarakat akan digerakkan untuk menggalakkan masyarakat mendaftar diri bagi menerima vaksin.

WK

Vaksin COVID-19: Beri keutamaan kepada B40 di lokasi berkepadatan tinggi

AZLAN ZAMBRY

GOLOONGAN berpendapatan rendah (B40) yang menetap di kawasan berkepadatan tinggi harus diberi keutamaan untuk menerima vaksin COVID-19.

Menteri Wilayah Persekutuan, **Tan Sri TPr Annuar Musa** berkata, beliau akan berunding dengan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba dan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin bagi memastikan cadangan itu diterima.

"Ini kerana, di kawasan padat penduduk itu, mereka (golongan B40) menanggung risiko yang tinggi kerana hidup sebelah menyebelah dengan pendatang asing, pe-



VAKSINASI perlu diadakan di kawasan berkepadatan tinggi dan meliputi semua pihak termasuk warga asing. - Gambar hiasan

mengang kad UNHCR, pekerja di tapak pembinaan yang telah terbukti berlaku kes yang banyak.

"Maka saya mahu jaminan daripada Kementerian Kesihatan (KKM) dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi

(MOSTI) bagi memberikan keutamaan dan mendaftarkan mereka yang berisiko tinggi di kawasan penduduk yang padat dan golongan berpendapatan rendah," katanya.

Annuar berkata, langkah kerajaan Persekutuan

yang memutuskan untuk memberi vaksin kepada semua orang termasuk bukan warganegara adalah satu tindakan tepat memandangkan jumlah kes melibatkan bukan warganegara agak tinggi.

"Pekerja bukan warganegara sahaja dalam sektor binaan ada beratus ribu, saya nak pastikan dasar itu dilaksanakan kerana memang ada merit. Kalau kita beri imunisasi hanya kepada warganegara, penyakit berjangkit ini tidak akan selesai," jelasnya.

Sebelum ini, Khairy Jamaluddin menyatakan, Malaysia hanya akan selamat daripada pandemik jika penduduk termasuk bukan warganegara yang menetap di negara ini turut menerima vaksin.

WK

312,390 dos vaksin COVID-19 tiba 21 Februari

SEBANYAK 312,390 dos vaksin Pfizer-BioNTech COVID-19 akan diterima dalam penghantaran pertama ke Malaysia, pada 21 Februari ini.

Menyatakan demikian, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, **Khairy Jamaluddin** berkata, vaksin berkenaan akan diterbangkan dengan penerbangan MASkargo ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan ia akan diasingkan sebelum dihantar ke pelbagai tempat penyimpanan vaksin di seluruh negara.

"Pihak tentera dan polis akan mengawal dan menjamin keselamatan vaksin sejak dari awal hingga ke peringkat akhir," katanya dalam catatan di Twitter rasminya.

Khairy berkata, terdapat vaksin lain yang melalui proses kawal selia di bawah Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA).

"Semoga kita dapat menambahkan vaksin lain pada fasa pertama," tambahnya.



KHAIRY JAMALUDDIN

Lima kaedah pendaftaran suntikan vaksin COVID-19

KERAJAAN menyediakan lima kaedah pendaftaran menerusi dalam talian atau secara manual untuk orang ramai mendapatkan suntikan vaksin COVID-19 di negara ini.

Menurut Buku Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan yang dikeluarkan Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV), dua kaedah secara dalam talian adalah pendaftaran menerusi aplikasi MySejahtera atau laman sesawang khas di www.vaksincovid.gov.my.

Bagi pendaftaran secara manual pula, terdapat tiga kaedah yang membolehkan orang ramai mendaftar

iaitu dengan menghubungi talian hotline (akan dimaklumkan kemudian), hadir ke fasiliti klinik kesihatan awam dan swasta atau menerusi program bantuan bagi penduduk di kawasan luar bandar dan pedalaman.

"Maklumat janji temu seperti tarikh dan tempat vaksinasi akan dimaklumkan menerusi aplikasi MySejahtera, panggilan telefon atau khidmat pesanan ringkas (SMS)," demikian menurut buku itu.

Proses vaksinasi bagi mereka yang mendaftar secara dalam talian mahupun manual adalah sama merangkumi 18 langkah.

Bagaimanapun, bagi individu yang menerima vaksin jenis satu dos, langkah vaksinasi tamat pada Langkah 9 dan Sijil Imunisasi Vaksin COVID-19 Digital akan diberikan manakala penerima vaksin jenis dua dos proses tamat di Langkah 18.

Berikut adalah proses vaksinasi COVID-19:

Langkah 1: Pendaftaran secara dalam talian (MySejahtera dan di www.vaksincovid.gov.my) atau secara manual (talian hotline, fasiliti klinik kesihatan dan program bantuan)

Langkah 2: Terima tarikh janji temu.

Langkah 3: Hadir ke Pusat

Pemberian Vaksin (PPV).

Langkah 4: Saringan suhu dan gejala.

Langkah 5: Daftar kod QR dan semakan identiti.

Langkah 6: Konsultasi dan mengisi borang kebenaran.

Langkah 7: Terima suntikan dan sahkan penerimaan vaksin (dos 1).

Langkah 8: Pemerhatian selama 30 minit selepas suntikan.

Langkah 9: Terima kad vaksin dan Sijil Imunisasi Vaksin COVID-19 (bagi penerima jenis vaksin satu dos).

Langkah 10: Pemantauan kesan advers susulan imunisasi (AEFI) COVID-19.

Langkah 11: Terima tarikh janji temu (suntikan dos kedua).

Langkah 12: Hadir ke PPV.

Langkah 13: Saringan suhu dan gejala.

Langkah 14: Daftar kod QR dan semakan identiti.

Langkah 15: Terima suntikan dan sahkan penerimaan vaksin (dos 2).

Langkah 16: Pemerhatian selama 30 minit selepas suntikan.

Langkah 17: Terima Sijil Imunisasi Vaksin COVID-19 Digital dan kemas kini kad vaksin (bagi daftar manual).

Langkah 18: Pemerhatian kesihatan diri untuk sebarang kesan sampingan.

Laluan Coklat GOKL hubung PA, lokasi strategik

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dengan kerjasama Rapid Bus Sdn Bhd (Rapid) membuka satu lagi laluan tambahan yang kesembilan bagi Bas GOKL yang dinamakan Laluan Coklat (Chocolate Line).

Laluan baharu sepanjang 14 kilometer itu akan bermula dari Seksyen 10 Wangsa Maju, melalui PPR Desa Rejang, Taman Tasik

Sri Rampai, menghalau stesen transit LRT Sri Rampai dan kawasan sekitarnya termasuk Seksyen 4 Wangsa Maju.

Menyatakan, **Tan Sri TPr Annuar Musa** berkata, laluan itu turut melibatkan PPR Desa Rejang dan Perumahan Awam (PA) Setapak Jaya 1A.

"Ia akan menghubungkan pusat tumpuan orang ramai

seperti Medan Selera D'Rejang, Masjid Abu Ubaidah, kawasan beli-belah AEON BIG dan Wangsa Walk dengan kekerapan bas setiap 15 minit," katanya yang melancarkan laluan baharu secara maya pada Selasa.

Untuk rekod, pada 2019, jumlah penumpang GOKL adalah 19.7 juta orang dengan purata seramai 55 ribu penumpang sehari atau

1.64 juta penumpang sebulan.

Walau bagaimanapun, ia merosot pada tahun lepas disebabkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

DBKL turut menyediakan aplikasi mudah alih GOKL dan sedang menambahbaik dengan membekalkan informasi perkhidmatan rel yang lain supaya ia lebih komprehensif. **WK**



LALUAN Coklat yang dilancarkan menghubungkan kawasan penempatan dan lokasi strategik.

Kerjasama NGO pantau pelaksanaan, elak kebergantungan kerajaan

KWP perkasa program pertanian bandar

AZLAN ZAMBRY

PROGRAM pertanian bandar akan terus diperkasa pihak Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) agar hasil tanaman yang diusahakan komuniti bandar itu dapat dikomersialkan bagi memastikan aktiviti tersebut mampu bertahan lama.

Menteri Wilayah Persekutuan, **Tan Sri TPr Annuar Musa** berkata, KWP akan bekerjasama dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi memantau pelaksanaan program itu supaya ia berterusan dan tidak hanya bergantung kepada bantuan kerajaan semata-mata.

"Tujuan program ini adalah untuk menggalakkan pengeluaran makanan dalam bandar dan juga menambah pendapatan keluarga."

"Ada pertanian bandar yang diusahakan dalam skala kecil untuk dimakan keluarga tetapi kita perlu juga ada pihak yang membantu supaya hasilnya dapat dipasarkan."

"Melalui pemerhatian setelah melihat perjalanan 'urban farming' yang telah diusahakan penduduk bandar maka saya berpandangan mereka masih perlu dibimbing supaya program ini ada kemampanannya," katanya dalam sidang akhbar pada Sabtu.

Hadir sama, Ketua Setiausaha KWP, Datuk Seri Rosida Jaafar dan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah.

Annur berkata, pihaknya telah mengenal pasti 92 ekar tanah di sekitar Kuala Lumpur dan Putrajaya yang boleh digunakan untuk projek pertanian bandar.

"Masih banyak kawasan yang boleh dikenal pasti dan sekarang ini ada lebih kurang 67 ekar di Kuala Lumpur. Di Putrajaya, kita mengenal pasti satu komuniti yang menjalankan pertanian bandar ini secara berpusat dengan luas tanah kira-kira 25 ekar."

"Jadi gabungan di Kuala Lumpur dan Putrajaya, kita ada hampir 100 ekar



PERTANIAN bandar yang diusahakan komuniti boleh menjana ekonomi yang lumayan jika pasarnya dikendalikan dengan baik.

untuk program ini dan hasil tanaman itu boleh dipasarkan melalui program MYGrocer@Wilayah," katanya.

Tambah Annur, pihaknya mempunyai 21 lokasi sedia ada dan telah mengenal pasti lebih 52 lokasi tanah terbiar yang belum digunakan untuk ditukar sebagai ladang komuniti di bawah program pertanian bandar.

"Salah satu daripada 52 ladang ini akan menjadi projek rintis pertanian bandar yang akan dikendalikan sepenuhnya oleh gelandangan yang telah dipilih dalam program transformasi gelandangan nanti," katanya.

Dalam pada itu, Annur berkata, pihaknya akan menjalankan kerjasama dengan Kementerian Pertanian

dan Industri Makanan (MAFI) bagi mendapatkan dana-dana melalui program Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA).

"KWP akan menampung untuk perkara-perkara tertentu. Malah KWP turut menggalakkan sekiranya ada individu yang mahu melabur dan mencebur i bida ini kerana ia ada konsep individu, komuniti dan komersial."

"Sekiranya ada tanah terbiar dan keluasan tanah yang agak luas, mungkin individu tidak terbuat, komuniti juga tidak berkemampuan dan jika ada individu yang mahu melabur dan gunakan tanah terbiar bagi tujuan tersebut, itu pun kita akan galakkan," katanya. **WK**

Hentikan perpecahan kaum sendiri

NUR SURAYA ALI

PERSATUAN Pengguna Islam Malaysia (PPIM) menyeru kaum Melayu negara ini mengabaikan cubaan sesetengah pihak yang mahu memecahbelahkan perpaduan bangsa mereka.

Ketua Aktivisnya, **Datuk Nadzim Johan** berkata, dia amat kesal dengan situasi semasa khususnya dalam arena politik negara.

"Ia amat menyedihkan apabila perpecahan yang berlaku adalah dalam kalangan kaum Melayu sendiri," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Tambah Nadzim, perkara itu juga amat memalukan kerana yang mahu memecahbelahkan kaum Melayu adalah orang Melayu sendiri.

"Adakah orang Melayu sudah hilang rasa malu dan selesa bergaduh secara terbuka di hadapan orang lain? Adakah kita mahu orang Melayu di sini menerima nasib sama seperti kaum Melayu Champa atau kaum Rohingya yang kini mengemis di negara sendiri?

"Melihat perkembangan terkini terutama dalam dunia politik negara, saya bimbang dan mahu rakyat lebih bijak menilai apakah keutamaan kaum Melayu masa kini," katanya dalam satu kenyataan.

Nadzim turut menasihati ahli politik Melayu supaya belajar dari parti DAP dan MCA yang tidak memecahbelahkan kaum Cina negara ini walaupun mereka tidak sependapat dalam arena politik.

"Kita pilih nak lemah atau nak kuat dan dihormati, jika kita bersatu, kita dihormati dan jika kita berpecah kita akan lemah dan akan dihin," katanya yang mahu rakyat membuat pilihan bijak serta sanggup berkorban seperti bangsa-bangsa yang berjaya.

Nadzim mahu rakyat Malaysia khususnya orang Melayu di negara ini untuk bertindak dan menguatkan perpaduan dalam kalangan kaum Melayu dan mengabaikan pihak yang cuba memecahbelahkan orang Melayu.

Tambahnya, kesan perpecahan kaum ini amat bahaya, jika bukan sekarang, dihuatir ketuanan Melayu akan hilang dan nasib kesemuanya berakhir dengan tragedi. **WK**



NADZIM

Dapur It'am: MAIWP-JAWI peruntuk RM1.344 juta

AZLAN ZAMBRY

MAJLIS Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) memperuntukkan RM1.344 juta melalui program Dapur It'am 3.0.

Pengarah Jawi, **Datuk Mohd Ajib Ismail** berkata, MAIWP telah menyumbangkan sebanyak RM1.34 juta yang akan memanfaatkan seramai 134,400 orang,

“Daripada inisiatif tersebut, ia dijangka memberikan manfaat kepada petugas barisan hadapan, petugas kebersihan, pemandu e-hailing, asnaf dan golongan B40, rakan kejiranan bukan Muslim serta lain-lain golongan yang terkesan dan memerlukan di sekitar Wilayah Persekutuan.

“Sebanyak 300 pek makanan bermasak seharian akan disediakan oleh 56 buah masjid dan surau terpilih di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

“Ia akan diedarkan pada waktu tengah hari melalui wakil penduduk atau khidmat penghantar makanan,” katanya.

Katanya, Dapur It'am 3.0 adalah kesinambungan inisiatif yang telah dimulakan semenjak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sepanjang bulan Ramadan tahun lalu.

“Program Dapur It'am adalah berkonsepkan dapur berpusat di masjid dan surau di Wilayah-Wilayah Persekutuan.



ZULKIFLI (tengah) menyaksikan penyerahan mock cheque daripada Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP, Datuk Akbar Samon kepada Pengarah JAWI, Datuk Mohd Ajib Ismail di Putrajaya Isnin lalu.

“Ia menyediakan edaran pek makanan bermasak secara percuma kepada golongan sasaran yang memerlukan dan program ini akan diadakan setiap hari bermula 15 Februari sehingga 11 April 2021,” katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Tambah Mohd Ajib, inisiatif tersebut adalah tanda keprihatinan terhadap golongan yang terkesan dan memerlukan dengan menyasarkan sifar lapar atau

setiap keluarga mempunyai makanan di atas meja setiap hari di dalam mendepani tempoh getir pandemik COVID-19 yang melanda negara.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri telah melancarkan program Dapur It'am 3.0 di Masjid Mahmoodiah Putrajaya yang turut dihadiri Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP, Datuk Akbar Samon. **WK**

Info ABC-19 terus kepada orang ramai

SYAHIDI BAKAR

HEBAHAN maklumat dan informasi serba terkini disalurkan melalui program Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) memberikan lebih pemahaman kepada pelbagai lapisan rakyat seterusnya menghindari mereka daripada risiko jangkitan wabak itu.

Pendekatan strategik digembung antara agensi kerajaan dengan persatuan penduduk setempat itu, antara usaha memperkasa komuniti dengan berkongsi pengetahuan serta memupuk budaya pematuhan prosedur operasi standard (SOP) bagi mencegah penularan pandemik COVID-19.

Menurut Pengarah Angkatan Pertahanan Awam (APM) Wilayah Persekutuan, Kolonel Effendi Ali, sejak

dimulakan 4 Februari lalu, aktiviti hebatan ABC-19 berlangsung setiap hari telah menjelajah pelbagai lokasi pentempatan mahupun kawasan tumpuan ramai sebagai fokus penerangannya.

Beliau berkata, kolaborasi di antara agensi APM, RELA, Jabatan Penerangan (JaPen), Persatuan Penduduk dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berfokus kepada menyebar luas informasi untuk rakyat serta menguatkuaskan pematuhan SOP sebagai norma baharu kehidupan.

“Program ABC-19 antara langkah membendung penularan COVID-19 secara menyeluruh libatkan komuniti setempat. Sejak bermula, dianggarkan berbelas ribu orang awam mendapat maklumat dihebah termasuk penduduk

perumahan, pasar awam dan lokasi tumpuan ramai.

“Untuk hari ini, pelbagai lokasi terlibat antaranya Cheras, Pasar Kampung Pandan, Maluri, Pasar Pudu, Bazar Kerinchi, Brickfield selain Pasar Keramat di Kuala Lumpur.

“Manakala Laman Duta, Presint 15, Flat & Taman Rekreasi, Presint 9 di Putrajaya dan dua lokasi di Labuan, Pasar Tani dan Terminal Feri juga terlibat dalam sesi ABC-19 hari ini,” katanya selepas sesi Penerangan dan Penguatkuasaan SOP ABC-19 di Kuala Lumpur, semalam.

Secara keseluruhan, kekuatan Pasukan ABC-19 yang terlibat sepanjang hari ini terdiri 11 pegawai dan 30 anggota APM, RELA (39 Pegawai dan 69 anggota, JaPen (16) dan

Penguatkuasa PPj (5) selain 12 wakil komuniti.

Effendy juga Ketua Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana, Wilayah Persekutuan turut mensihat orang awam memberikan kerjasama kepada petugas barisan hadapan yang sedang melaksanakan tanggungjawab demi manfaat dan kebaikan bersama.

“Saling toleransi dan melengkapai satu sama lain instrumen penting untuk kita menang melawan pandemik COVID-19. Kalangan penguatkuasa ini tiada niat bertindak sebarang terhadap awam, namun jika masih ada yang ingkar, kami tiada pilihan melainkan mengikut perundangan,” ujarnya yang komited inisiatif diam-bil melalui ABC-19 mampu melandaikan lengkuh kes baharu COVID-19. **WK**

SIDANG REDAKSI

PENGURUS BESAR
Azlan Abdul Aziz

PENGARANG KANAN
Helme Hanafi

PENOLONG PENGARANG
Nazwin Izzan Ahmad Nazri

WARTAWAN KANAN

Azlan Zambray
Aini Roshidah Ahmad Mawawi

WARTAWAN

Khairul Idin
Wong Siew Mun
Deel Anjer
Syahidi Bakar

GRAFIK & MULTIMEDIA

Rostam Afendi Ab Rashid
Mohd Affandy Annuar
Mohd Fadly Bharudin
Taufik Mohd Pauze

JURUFOTO & VIDEO

Mohd Nazril Mohd Roselan
Mohd Aminullah Farid Hasan
Azly Fariq Ramly

PEMASARAN

Mohd Zuhairi Mazlan
V Kumar Veeran

KEWANGAN, SUMBER MANUSIA & PENTADBIRAN

Nur Fatihah Mohd Amir
Jumaitul Lailiy Zakiah Ismail
Nurul Hazwani Haslan

PELATIH INDUSTRI

Afifah Afizal

RINGKASAN BERITA

SPPP diperluas kepada semua usahawan B40

SKIM Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP) di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), kini diperluaskan kepada semua usahawan dalam kumpulan B40.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna **Datuk Seri Alexander Nanta Linggi** berkata, pendaftaran perniagaan juga diberi percuma iaitu pengecualian fi pendaftaran kepada golongan sasar B40, yang ingin memulakan perniagaan dan belum pernah mendaftarkan perniagaan mereka.

Beliau berkata SPPP yang dilancarkan 23 Dis lepas, kini merangkumi semua bakal usahawan golongan B40 dan tidak lagi terhad kepada usahawan dalam kalangan belia, ibu tunggal B40 serta pelajar sahaja.

“Ini akan membolehkan mereka memperoleh akses kepada pelbagai dana dan pinjaman yang diperkenalkan oleh kerajaan Persekutuan, bagi kelangsungan operasi perniagaan mereka dalam suasana sukar dan mencabar berikut pandemik COVID-19,” katanya

SOP haji akan dikemaskini

PROSEDUR operasi standard (SOP) ibadah haji Malaysia akan dikemas kini dari semasa ke semasa bagi memastikan ia memenuhi syarat kerajaan Arab Saudi.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), **Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri** berkata, SOP berkenaan perlu diserahkan kepada kerajaan Arab Saudi untuk diteliti dan mendapat pengesahan bagi mengelakkan jemaah haji Malaysia dihalang daripada mengerjakan haji pada tahun ini.

Katanya, setakat ini Jabatan Wakaf, Zakat Dan Haji (JAWHAR) bersama Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan (MoTAC) dan Kementerian Kesihatan (KKM) sudah selesai menyediakan SOP ibadah haji Malaysia.

“Kerajaan Malaysia dan Arab Saudi dijangka mengadakan pertemuan bagi membincangkan berkenaan kuota haji dan umrah pada Mac ini,” katanya

Zoo Negara bakal perkenal konsep zoo maya

BAGI meneruskan kelangsungan operasi, Zoo Negara kini dalam perancangan untuk mewujudkan ‘zoo maya’.

Timbalan Presiden Zoo Negara, **Rosly@Rahmat Ahmat Lana** berkata, konsep itu dilihat signifikan dengan keadaan semasa negara yang masih dilanda COVID-19.

Menurutnya, menerusi konsep berkenaan, pencinta haiwan boleh melihat spesis di Zoo Negara menerusi konsep maya di seluruh dunia.

Katanya, konsep ini dilihat mampu menjadi platform terbaru untuk memastikan Zoo Negara terus beroperasi dengan hasil kutipan bayaran daripada hanya bergantung sepenuhnya kepada pengunjung.

Rebut peluang Program Pembangunan Usahawan Anak Muda Kota di Berjaya Times Square

PROGRAM Pembangunan Usahawan Anak Muda Kota merupakan inisiatif Kementerian Wilayah Persekutuan bagi menggalakkan golongan belia di Wilayah Persekutuan menjadi usahawan menerusi pelbagai bidang perniagaan.

Ia dilaksanakan dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Putrajaya (PPj), Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) serta agensi kerajaan lain yang berkaitan dengan pembangunan usahawan.

Melalui program ini, kerajaan menawarkan ruang perniagaan untuk anak muda terlibat sekali gus membantu melahirkan lebih ramai usahawan muda.

Matlamat utama pelaksanaannya adalah untuk merangsang ekonomi negara melalui aktiviti keusahawanan pasca wabak COVID-19 selain melahirkan lebih ramai usahawan muda di lokasi tumpuan dan strategik sekitar ibu kota.

Jenis-jenis perniagaan bagi usahawan terlibat adalah kategori makanan dan minuman; kraftangan; gajet dan teknologi maklumat; fesyen dan perhiasan; produk kosmetik, kecantikan, pewangi, dan penjagaan kulit; produk francais dan trak saji.

Pemohon yang berminat perlu memenuhi tiga syarat utama iaitu warganegara Malaysia, lahir atau menetap di Wilayah Persekutuan dan berumur 18 tahun ke atas.

Ia juga dapat memperkasakan usahawan mikro supaya lebih berdaya saing dalam menghadapi norma baharu.

Pelaksanaannya terdiri daripada bayaran sewaan nominal dan memudahkan permohonan lesen perniagaan di

DBKL dan PPj termasuk bantuan pembiayaan dan bimbingan perniagaan daripada agensi kerajaan.

Jenis-jenis perniagaan bagi usahawan terlibat adalah kategori makanan dan minuman; kraftangan; gajet dan teknologi

maklumat; fesyen dan perhiasan; produk kosmetik, kecantikan, pewangi, dan penjagaan kulit; produk francais dan trak saji.

Pemohon yang berminat perlu memenuhi tiga syarat utama iaitu warganegara Malaysia, lahir atau menetap di Wilayah

Persekutuan dan berumur 18 tahun ke atas.

Permohonan dilakukan di <https://usahawanwp.kwp.gov.my> atau hubungi pihak Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) di nombor **016-974 3226 / 012-739 3489**. **WK**

PROGRAM PEMBANGUNAN USAHAWAN ANAK MUDA KOTA @WILAYAH

WILAYAH PERSEKUTUAN
WILAYAH PRIHOTIN

PELUANG BERNIAGA KEPADA WARGA WILAYAH

SEWA RM1000 SEBULAN

DI BERJAYA TIMES SQUARE

HUBUNGI
+6012-739 3489
+6016-974 3226

TARIKH TUTUP : (JUMAAT) 19.2.2021

@yayasanwp www.yayasanwp.org.my

KWP bina Pusat Transformasi Gelandangan

Urban Farming di Anjung Kelana

AZLAN ZAMBRY

USAHA untuk membawa golongan gelandangan keluar dari alam tersebut sentiasa menjadi fokus utama Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) yang mahukan setiap warga kota menjadi anggota masyarakat yang produktif.

Melalui kerjasama dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan beberapa agensi-agensi kerajaan lain, sebuah Pusat Transformasi Gelandangan yang dikenali sebagai Anjung Kelana akan dibuka bagi membolehkan golongan terabit dilatih untuk kembali ke alam pekerjaan.

Bagi tujuan itu, Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa berkata, Anjung Kelana akan berkonsepkan transit sementara gelandangan seperti Anjung Singgah dan mereka perlu terlibat mengusahakan pertanian bandar di tanah lapang bersebelahan petempatan tersebut.

"Konsep membantu gelandangan tidak lagi sekadar memberi keperluan seperti memberi makanan, tapi membantu mereka membina keyakinan melalui keusahawanan seperti *urban farming*. Jadi mereka tidak akan kekal selamanya di situ," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media di Pusat Gelandangan Sementara di Dewan Komuniti Sentul Perdana selepas melakukan tinjauan pertanian bandar di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Seri Malaysia di



ANNUAR (dua dari kanan) mendengar taklimat daripada Pengarah Jabatan Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan Bangunan, Noorzaini Noordin berkenaan dengan proses pengubahsuaian bangunan Taman Tema Desa Water park untuk dijadikan Anjung Kelana pada Sabtu lalu.

“Di Anjung Kelana nanti gelandangan ini tidak terhad kepada pertanian bandar sahaja, bahkan mereka boleh mencebur program pekerjaan yang lain seperti program pembukusan sarung tangan seperti di Anjung Singgah.

Desa Petaling pada Sabtu.

Pada majlis tersebut, beliau turut menyampaikan set 'Microgreen Kit' kepada 23 gelandangan yang terpilih dalam program Pertanian Bandar bermula 1 Mac ini.

Annuar berkata, Anjung Kelana akan dibina di bangunan bekas Taman Tema Air Desa Waterpark yang diubah suai dan boleh memuatkan kira-kira 140 katil.

"Di Anjung Kelana nanti gelandangan ini tidak terhad kepada pertanian bandar sahaja, bahkan mereka boleh mencebur program pekerjaan yang lain seperti program pembungkusan sarung tangan seperti di Anjung Singgah.

"Malah sekiranya terdapat syarikat-syarikat pembungkusan atau produk separa siap, mereka boleh menghantar produk ke pusat tersebut untuk membolehkan gelandangan bekerja kerana di situ turut disediakan ruang bagi tujuan



CABARAN untuk mengubah kehidupan gelandangan memerlukan proses yang bersepadu kerana golongan ini memerlukan sokongan yang berterusan daripada pihak kerajaan.

itu," katanya.

Kata Annuar lagi, DBKL juga akan melakukan kajian untuk mewujudkan dapur berpusat kerana ada sebahagian daripada gelandangan yang mahir memasak tetapi tidak tahu menjual dan sebagainya.

"Tujuannya ialah untuk mereka (gelandangan) keluar daripada gaya hidup itu, kalau kita beri kaunseling sahaja nampaknya tidak selesai, jadi kita cuba buat secara praktikal melibatkan mereka," katanya.

Hadir sama, Ketua Setiausaha KWP, Datuk Seri Rosida Jaafar dan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah. **WK**



ANNUAR menyerahkan set Microgreen Kit kepada gelandangan yang merupakan peserta Transformasi Gelandangan pada Sabtu.



RENDANGNYA KOTA CAHAYA

Di bawah rendangnya kota cahaya kita berkumpul mengumpul harapan mencari warna hayat yang sejahtera ini laman ceritera damai bahagia sisisikan kelabu perjuangan elakkan langkah ke ruang kelam kita bukan pelahap kehidupan.

Inilah kota rendang ranum wangi masing masing mengumpul harapan dari peta akal yang bijaksana berjalan menimba laba waktu dalam bersihnya nawaitu.

Kota rendang ini bagi spektrum berhati melangkah masa aspal ada duri duga geraklah bersama sabar bukan menerkam tanpa sedar.

Inilah kota cahaya payung kita tampilah segala mimpi kumpullah segala realiti kota cahaya ini rendangnya bersemi seni.

DI KOTAINI

Panas di kota ini, adalah keringat sabar yang subur.

Hujan di kota ini, bukan airmata yang ralat.

Siang di kota ini, tempat memukat hasrat.

Malam di kota ini, cerah dengan lampu mimpi.

Hidup di kota ini, berbekal akal, usaha dan bakti.

Solihin Osman
Dangau Seni

Dapatkan e-Paper percuma **Wilayah Ku**
Whatsapp ke nombor 011-5958 7489



Yayasan Sime Darby lancarkan platform e-Pembelajaran THRIVE

AFIFAH AFIZAL

YAYASAN Sime Darby (YSD) mengumumkan pelancaran pertamanya, sebuah inisiatif yang bertujuan untuk meluaskan tahap pemikiran para sarjananya melalui pembelajaran sepanjang hayat di dunia pasca COVID-19.

Inisiatif ini menandakan komitmen YSD untuk menghasilkan graduan yang lebih berkualiti dan teguh melalui program pembangunan yang melengkapkan pengajian pendidikan mereka.

Pada bulan Ogos 2020, yayasan ini telah melancarkan YSD THRIVE, sebuah program pengembangan untuk sarjana YSD Excellence yang menawarkan latihan kemahiran insaniah (T), bimbingan berpotensi tinggi (H),

kepimpinan yang berdaya tahan melalui sesi perkongsian (R), latihan industri di syarikat Sime Darby (I) dan peluang sukarelawan (V).

Untuk memenuhi elemen 'E' dalam program ini, yayasan memperkenalkan platform e-Pembelajaran YSD yang menyediakan maklumat kursus, nota kuliah dan aktiviti pembelajaran komprehensif lain yang semuanya dapat diakses secara dalam talian.

Para sarjana kecemerlangan yang kini berjumlah 49 orang, akan berpeluang untuk mendaftar lebih dari 5,000 kursus di pasaran global terbesar untuk belajar dan mengajar dalam talian, Udemy.

Khusus untuk menyiapkan para sarjana untuk kerjaya masa depan mereka sebagai pemimpin Sime Darby, kursus ini terdiri daripada sains data, kewangan dan



UDEMY

perakaunan, IT, kepimpinan dan pengurusan, pengurusan projek, produktiviti pejabat hingga ke perkembangan peribadi dan banyak lagi - semuanya diajar oleh pakar terkemuka di dunia dan pengalaman industri.

Ketua Pegawai Eksekutif YSD, Dr Hjh Yatela Zainal Abidin berkata, "Pelancaran ini merupakan tonggak penting bagi kami kerana kami sekali lagi menggunakan kemajuan teknologi untuk memberikan akses kepada pendidikan berkualiti tinggi untuk para sarjana kami.

"Ini juga menunjukkan bagaimana YSD THRIVE memberikan pengalaman pembelajaran yang lebih komprehensif dan sihat sepanjang tempoh biasiswa pelajar.

"Menggunakan platform e-learning mengikut kemampuan mereka sendiri dan menyelesaikan aktiviti YSD THRIVE yang lain juga dapat meningkatkan keyakinan para sarjana dan menyiapkan mereka untuk menghadapi cabaran dunia nyata.

"Ini juga akan memastikan bahawa tahap kompetensi mereka setara dengan syarat pengambilan syarikat Sime Darby dan kemahiran mereka relevan dengan keperluan industri praktikal," tambahnya.


Oleh kerana yayasan ini berusaha untuk memberikan bantuan

pendidikan secara inklusif dengan fokus kepada para sarjana YSD Bursary berpendapatan rendah yang terpilih, mereka juga diberi akses 12 bulan ke platform ini setiap tahun.

Manfaatkan sepenuhnya platform e-Pembelajaran YSD akan meningkatkan kelayakan dan kebolehpasaran mereka dengan pengetahuan dan perakuan yang diperlukan merangkumi kemahiran pengetahuan dan interpersonal.

Sejak penubuhannya, YSD telah menganugerahkan biasiswa dan bursa bernilai RM301.5 juta untuk anak muda Malaysia, kebanyakannya datang dari keluarga berpendapatan sederhana hingga rendah.

Program biasiswa dan bursa YSD diberikan kepada bakat muda yang layak serta pelajar dengan kebolehan yang berbeza, kedudukan sosioekonomi dan kecenderungan akademik. **WK**



PLATFORM e-Pembelajaran YSD.



SESI 'Meet and Greet' dan pelancaran platform e-Pembelajaran YSD.



Dapatkan e-Paper percuma **Wilayah Ku**
Whatsapp ke nombor 011-5958 7489

Fokus Program Pembangunan Usahawan Anak Muda Kota, kebajikan warga

RM13.5 juta bajet kebajikan tahun ini - YWP

ANINI MAWAWI

YAYASAN Wilayah Persekutuan (YWP) dijangka memperuntukkan sejumlah RM 13.5 juta untuk program kebajikan bagi membantu warga Wilayah Persekutuan yang memerlukan pada tahun ini.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Zaizalnizam Zainun berkata, tidak ada pengurangan jumlah dari segi bantuan di peringkat YWP malah ia bakal bertambah ekoran penambahan jumlah penerima dan sumbangan.

"Pada tahun ini, YWP akan memberi fokus kepada Program Pembangunan Usahawan Anak



**YAYASAN
WILAYAH PERSEKUTUAN**

Muda Kota dalam usaha melahirkan lebih ramai usahawan muda yang berdaya saing.

"Dalam masa sama, YWP akan terus membantu orang ramai supaya dapat menjana pendapatan semula ekoran pandemik COVID-19," ujar beliau ketika dihubungi Wilayahku pada Isnin.

Tambah Zaizalnizam, selain daripada itu, program-program lain seperti bahagian pendidikan, penyerahan bantuan-bantuan kebajikan kepada golongan memerlukan dan sebagainya masih

diteruskan seperti biasa.

"Walau bagaimanapun, bagi memastikan kelancaran program-program yang dilaksanakan, YWP akan menambah baik dari segi penerima dan juga kaedah pemberian sumbangan yang semestinya mengikut norma baharu," ujar beliau kepada Wilayahku.

Beliau turut memaklumkan, sepanjang tahun 2020 lalu, YWP telah membelanjakan RM 10.1 juta bagi program-program kebajikan.

"Semua peruntukan bergantung kepada hasil pendapatan YWP. Lebih banyak hasil yang diperoleh daripada perniagaan YWP, maka lebih banyak kita akan



SUMBANGAN kepada pasukan keselamatan juga tidak terkecuali.

salurkan kepada program sumbangan," ujar beliau.

Tegas beliau, peruntukan yang digunakan untuk sumbangan ada-

lah sepenuhnya daripada pihak YWP dan tidak bergantung kepada bajet kerajaan atau sebagainya.

WK

Penjaja lesen sementara mohon tempoh niaga dipanjangkan

PERTIWI

NAZWIN NAZRI

BARU-BARU ini, salah seorang penjaja yang menerima lesen perniagaan sementara daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memohon agar waktu operasi niaga dipanjangkan.

Menerusi talian PERTIWI, dia memaklumkan, waktu empat jam yang diperuntukkan pada masa ini terlalu singkat.

Ujarnya, disebabkan tempoh tersebut, lauk pauk yang dijualnya tidak sempat habis dan mengakibatkan pembaziran.

"Saya minta panjangkan wak-



TEMPOH empat jam yang diperuntukkan, tidak cukup untuk peniaga juadah dan lauk pauk.

tu bermula dengan prihatin. Empat jam yang diberi tidak cukup.

"Lauk semua membazir. Harap prihatin YB (Menteri Wilayah Persekutuan)," katanya.

Permit sementara diberikan untuk tempoh tiga hingga enam bulan yang mana penjaja diberi pilihan sama ada bermula antara pukul 7 pagi hingga 11 pagi; 11

Info ADUAN

PERTIWI
WhatsApp
: 013-680 6666
: 013-688 7777

DBKL
Tel : 03-2617 9000

Perbadanan Putrajaya
Tel : 03-8000 8000
Aduan : 03-8887 3000

Perbadanan Labuan
Tel : 087-408600
Aduan : 087-408852

Wilayahku
WhatsApp
: 011-5958 7489

DISKAUN 50%



IKLANKAN PERNIAGAAN ANDA DALAM E-PAPER

Wilayah Ku MEDIA WARGA KOTA

KADAR HARGA IKLAN (E-PAPER)

FULL PAGE 26cm X 33cm RM500	HALF PAGE 26cm X 17cm RM300
QUARTER PAGE 12cm X 17cm RM200	PANEL PAGE 26cm X 6cm RM200
[INNER]	
	RM10

KADAR HARGA IKLAN (PORTAL ONLINE)

FRONT BANNER 1080px X 96px RM2,500
MIDDLE BANNER 1080px X 280px RM2,000
MEDIUM RECTANGULAR 350px X 280px RM1,500



DITERBITKAN 2 KALI SEMINGGU

MENCAPAI 200,000 PEMBACAA SETIAP EDISI

BERMINAT?

Untuk khidmat rundingan pengiklanan sila hubungi:
012-208 6354 (V. KUMAR VEERAN)
Pengurusan Pengiklanan
011-1069 2962 (ZUHAIRI)
Eksekutif Jualan dan Pemasaran
03-8861 5260 (PEJABAT)
Alamat:
Aras 9, Blok 1,
Menara Seri Wilayah,
62100 Putrajaya.

MYMedic@Wilayah

Usah risau, ianya percuma



AMIN FARID HASAN

memerlukan pemeriksaan kesihatan secara percuma bermula pada 6 Februari 2021.

Sebanyak tiga buah trak yang telah diubah suai mengikut kesesuaian bagi tujuan khidmat nasihat, pemeriksaan, dan rawatan ringan.

Perkhidmatan bergerak MYMedic@ Wilayah dijadualkan pada setiap hari Sabtu dan Ahad bermula dari jam 9 pagi sehingga jam 1 tengahari di tiga belas kawasan terpilih antaranya

Perumahan Awam (PA) Seri Kota, PA Pekan Batu, PPR Seri Aman, PA Wangsa Maju R1, PA Setapak Jaya 1A, PA Wangsa Maju Rio, PPR Hiliran Ampang, PA Seri Johor 4AB, PA Seri Pulau Pinang, PPR Beringin, PA Seri Tioman, PPR Pekan Kepong dan PA Seri Sabah 3AB.

Bagi mereka yang memerlukan khidmat ini, anda boleh layari Facebook rasmi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk mendapatkan jadual khidmat MYMedic@Wilayah. **WK**



PENERIMA rawatan dipastikan mengikut SOP sewaktu menunggu untuk mendapatkan rawatan.



SUASANA sambutan menggalakkan daripada penduduk setempat semasa Program MYMedic@Wilayah.



RUANG khidmat nasihat rawatan yang berhawa dingin serta selesa.



Gerobok Rezeki SKDK (2)

sambut ulang tahun penubuhan pertama



ABD RAHIM YAHYA & AIDIL AZAHAR AHMAD

SEJAK berlakunya wabak pandemik COVID-19, ramai pihak berlumba-lumba membantu menghulurkan bantuan dan memberi kesedaran kepada masyarakat yang memerlukan supaya mereka

dapat meneruskan kehidupan pada saat yang sukar ini.

Gerobok Rezeki Sekolah Kebangsaan Danau Kota (2) telah ditubuhkan secara rasminya pada 22 Februari 2020, idea tersebut telah dicetuskan oleh Penolong Kanan Hal Ehwal Murid, Encik Aidil Azahar Ahmad ketika itu dan disokong sepenuhnya oleh

Guru Besar, Puan Siti Norma Abdullah.

Walau bagaimanapun, idea ini sudah tentunya hanya akan tinggal sekadar idea semata-mata seandainya Gerobok Rezeki ini tidak didukung oleh Pengurus Pertubuhan Keinsanan Malaysia (Humanity), Encik Mohammad Nizam Wahid, di mana beliau merupakan insan yang bertanggungjawab menuju Gerobok Rezeki di kebanyakan sekolah di seluruh Malaysia.

Gerobok Rezeki SK Danau Kota (2) telah dirasmikan oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Encik Mohd Nizam bin Haji Yahya, sebelum pandemik COVID-19 melanda negara pada penghujung bulan Februari 2020.

Ia telah menjadi penyelamat kepada komuniti setempat yang terjejas teruk setelah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

“Ramai ibu bapa murid yang terkesan akibat kehilangan pekerjaan dan perniagaan yang terjejas semasa arahan PKP dikeluarkan oleh MKN.

“Penubuhan Gerobok Rezeki di sekolah ini adalah tepat pada masanya ketika ramai yang terkesan dan amat memerlukan bantuan,” jelas Puan Siti Norma Abdullah.

“Kami menyediakan barang keperluan asas seperti minyak masak, beras, gula, garam, bihun,



IDEA ini telah menjadi penyelamat kepada komuniti setempat yang terjejas teruk sepanjang PKP.



PELANCARAN Gerobok Rezeki sebelum wabak COVID-19 melanda.



TURUT dipaparkan di rancangan televisyen.

sos cili, kicap dan sebagainya.

“Kami juga menyediakan barang kebersihan diri seperti berus gigi, ubat gigi, sabun mandi, syampu, sabun basuh dan sebagainya.

“Kesemuanya ini diberikan kepada keluarga yang memerlukan bantuan tanpa mengira sempadan agama, bangsa dan politik,” jelas Encik Aidil Azahar pula.

Penubuhan Gerobok Rezeki di sekolah ini turut mendapat sokongan padu daripada Pengurus Persatuan Empayar Kebajikan Malaysia (Empire Project), Encik Mohd Ashraff Khan Md Najib di mana beliau sering turun padang.

Ini adalah untuk memastikan Gerobok Rezeki di sekolah ini sentiasa mencukupi bagi menampung keperluan keluarga yang memerlukan.

Menjelang 22 Februari 2021, Gerobok Rezeki SK Danau Kota (2) bakal menyambut ulang tahun penubuhannya yang pertama.

Ini sudah tentunya

mengharapkan Gerobok Rezeki di sekolah ini terus memacu objektif dan matlamat asal penubuhan dalam membantu golongan yang memerlukan bantuan.

Sesungguhnya, melakukan kebaikan adalah satu pengorbanan jiwa yang menuntut masa, tenaga, wang ringgit dan kudrat dalam memastikan insan-insan yang kurang berkemampuan turut sama menikmati kehidupan seperti insan-insan lain di muka bumi ini.

Semoga Gerobok Rezeki SK Danau Kota (2) berupaya menjadi wahana dalam meringankan beban insan yang memerlukan bantuan dan membela komuniti setempat bersama-sama sokongan padu yang tidak putus-putus daripada pelbagai pihak serta NGO.

Untuk maklumat lanjut tentang program ini, layarilah ke Facebook di Gerobok Rezeki SK Danau Kota (2) dan tontonlah di YouTube, Video Gerobok Rezeki SK Danau Kota (2). **WK**

PERADUAN MEWARNA PM98



Adik-adik yang berumur 12 tahun ke bawah layak menyertai peraduan ini, asalkan adik-adik adalah warganegara Malaysia.

CARA MENYERTAI:

1. Warnakan terus pada lukisan di dalam akhbar WilayahKu di atas, atau membuat salinan fotostat dan kemudian mewarnakan di atas salinan tersebut.
2. Boleh menggunakan sebarang jenis alatan mewarna.
3. Setelah siap, minta mak atau ayah rakam gambar lukisan adik-adik dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: wilayahku2018@gmail.com
4. Sertakan sekali NAMA PENUH, UMUR, ALAMAT dan NO. TELEFON IBU/BAPA.
5. Tarikh tutup penyertaan kali ini adalah 19 FEBRUARI 2021.
6. Pemenang akan diumumkan dalam akhbar Wilayahku Bilangan 104.

3 PENYERTAAN TERBAIK
PADA SETIAP MINGGU
AKAN MENERIMA BAUCAR
TUNAI BERNILAI RM50.00.



TEKA SILANG KATA TS98


MELINTANG

3. Tekun dan bersungguh-sungguh dalam melaksanakan sesuatu kerja. (rajin)
4. Merujuk kepada pergerakan iaitu cepat atau pantas. (laju).
6. Bagai bulan dipagar _____. (bintang)
7. Seseorang tidak mahu atau tidak mudah menurut kata atau menerima nasihat. (degil)
8. Air muka atau paras rupa seseorang. (wajah)
9. Cerita Pendek. (cerpen)
11. Peribahasa Panjang _____ bermaksud



KE BAWAH

1. Orang yang kerjanya mengajar. (guru)
2. Suara atau bunyi yang menyebabkan tidak dapat mendengar dengan jelas. (bising)
5. Karya drama yang dituliskan untuk seorang pelakon. (monodrama)
6. Kenduri dalam dialek Negeri Sembilan. (bogolek)
10. saya dalam dialek Sarawak. (kamek)



Peraduan silang kata ini dijalankan dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka. Penyertaan terbuka kepada semua warganegara Malaysia.

CARA MENYERTAI:

1. Isikan perkataan yang tepat pada petak di atas menggunakan pen.
2. Setelah siap diisi, rakam gambar di atas dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: wilayahku2018@gmail.com
3. Sertakan sekali NAMA PENUH, UMUR, ALAMAT dan NO. TELEFON.
4. Tarikh tutup penyertaan ini adalah pada 19 FEBRUARI 2021.
5. Pemenang akan diumumkan dalam akhbar Wilayahku Bilangan 104.

5 PEMENANG AKAN DIPILIH SETIAP
BULAN UNTUK MENERIMA MAJALAH
DAN BUKU TERBITAN DBP.
3 PENYERTAAN PALING AWAL DAN
TEPAT AKAN MENERIMA BAUCAR
TUNAI BERNILAI RM50.00



Hantarkan video bakat anak anda yang berumur **14 tahun ke bawah** tidak kira berbentuk nyanyian, bercerita, bersajak, berlakon atau sebagainya. Peserta yang terpilih akan dipanggil untuk ujibakat dan berpeluang untuk menyertai pasukan produksi **WILAYAHKU TV**.

DURASI VIDEO TIDAK LEBIH 2 MINIT.

Emailkan kepada:
wilayahku2018@gmail.com

Sertakan sekali NAMA PENUH, UMUR, ALAMAT dan NO. TELEFON IBU/BAPA.


KEPUTUSAN PERADUAN BILANGAN 93

Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Peraduan Mewarna PM93 dari akhbar Wilayahku Edisi 93:

QAMARINA AZFAR
(8 tahun)
Seri Kembangan,
Selangor

NURUL FADHILLAH HANIM
(10 tahun)
Ampang, Selangor

MUHAMMAD HARIZ IQBAL
(8 tahun)
Sentul, Kuala Lumpur




Karya Qamarina Azfar

Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Teka Silang Kata TS93 dari akhbar Wilayahku Edisi 93:

MOHD FIRDAUS MOHD SUKOR
(37 tahun)
Shah Alam,
Selangor

NOR AZIAH
(66 tahun)
Keramat,
Kuala Lumpur

NUR ASYIRA KAMAL
(17 tahun)
Bahau, Negeri Sembilan



Keputusan pemenang juga diumumkan di portal dan laman Facebook Wilayahku.

Tekanan ketika PKP, positiflah!



DEEL ANJER

TERJEJAS dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sering menjadi perbualan dari segenap lapisan masyarakat sehingga pihak kerajaan. Pelbagai usaha telah dilakukan oleh kerajaan mahupun individu dalam usaha

untuk meneruskan kelangsungan hidup. Ada yang masih boleh bertahan dengan mengurangkan kos dalam kehidupan sehari-hari. Namun tidak kurang juga yang seolah-olah sudah mengalah dengan situasi ini.

Para penggiat seni turut tertekan dan tidak terlepas daripada menempuh dugaan mencabar ini.

Ernie Zakri turut tertekan, kerjaya seni terjejas

PENYANYI Ernie Zakri mengaku turut tertekan dalam tempoh PKP apabila kerjaya seninya terjejas. Banyak undangan persembahan pentas yang telah dipersetujui awal terpaksa dibatalkan.

"Saya juga seperti orang lain turut mengalami stres apabila pendapatan terjejas. Saya faham kenapa orang di luar sana mengeluh kerana saya turut mengalaminya."

"Sesuatu yang kita perlu tahu, stres ini bukan perkara main-main. Ia boleh memberi kesan buruk kepada seseorang individu jika tidak dapat ditangani dengan baik. Apa-apa pun kena positif dan banyakkan berdoa," ujarnya yang bersyukur apabila dipilih menjadi salah seorang penyanyi yang terlibat dalam konsert maya ITSU 360 Care U.

"Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak pengajur atas usaha mereka untuk mengadakan konsert dalam fasa yang sukar sekarang."

"Iya, saya turut terjejas sepanjang tempoh PKP. Kini apabila diberi peluang ini, saya rasa sudah tiba masanya untuk saya berhibur dalam masa yang sama memberi kepada yang memerlukan," katanya yang tidak sabar membuat persembahan konsert maya ITSU 360 Care U yang akan distrim secara langsung dari Mega Star arena pada pukul 8 malam 20 Februari.

Konsert bertujuan untuk membantu para petugas barisan hadapan yang terjejas akibat pandemik ini menyasarkan sebanyak RM500,000.

Acara gilang-gemilang ini bakal menampilkan artis popular iaitu Ella Aminuddin, Sufian Suhaimi, Aiman Tino, Naim Daniel, Ernie Zakri, Ariff Bahran, Dolla dan Syamel.

Orang ramai boleh menonton konsert secara langsung ini menerusi laman

YouTube ITSU MY, Facebook ITSU WORLD, Facebook ITSU Indonesia, Facebook Amazing Creative Group, Facebook HK ATV, Facebook Star Planet dan juga Bigo Live App.

Orang ramai boleh menderma dengan mengimbas kod QR Touch n Go e-wallet yang akan dipaparkan semasa siaran langsung konsert tersebut.



ERNIE ZAKRI

Sertai ujibakat online nyanyian anda dan berpeluang untuk merakam 'single' dan menghasilkan klip video lagu anda sendiri.

Hantarkan video atau pautan nyanyian anda di YouTube, Smule, Instagram, Facebook atau lain-lain kepada kami.

- TIDAK TERIKAT DENGAN MANA-MANA LABEL RAKAMAN.
- DURASI VIDEO TIDAK LEBIH 5 MINIT.
- Emailkan dengan tajuk 'BINTANG WILAYAHKU' kepada: wilayahku2018@gmail.com

Sertakan sekali biodata ringkas anda seperti NAMA, UMUR, ALAMAT dan NO. TELEFON untuk dihubungi.



Jangan jadi keldai dadah walaupun susah

PENERBIT filem Petaka, Arie Zaharie berharap masyarakat akan terus bertambah menghadapi ujian besar yang dirasai oleh semua lapisan masyarakat.

Menurutnya, apa pun kesulitan hidup yang dilalui, jangan sesekali mengambil jalan singkat untuk menjana pendapatan atau hidup senang.

Ini berikutnya berlakunya keskes jenayah kerana terdesak untuk meneruskan hidup.

"Sudah banyak laporan media berkenaan sesetengah masyarakat yang sanggup lakukan apa sahaja tanpa mengira halal haram akibat desakan hidup.

"Apa yang menyedihkan, ada yang sanggup menjadi keldai dadah untuk hidup senang. Mungkin permulaannya nampak mewah, tetapi ingatlah hukuman berat yang bakal diterima kelak."

"Saya sendiri paparkan kisah keldai dadah dalam filem Petaka yang boleh menyebabkan kita kehilangan ibu sendiri. Saya harap kisah ini menjadi pengajaran dan pedoman buat semua."

"Nasihat saya, walaupun



hidup susah, jangan jadi keldai dadah atau jalani aktiviti haram lain. Banyak cara lain untuk cari rezeki asalkan kita rajin usaha," ujar Arie Zaharie.

Nak tahu lebih lanjut kisah keldai dadah, jangan lupa tonton di Astro First sekarang.

Jangan malu mulakan sesuatu - Kilafairy

SEBAGAI selebriti, Kilafairy turut prihatin dengan keadaan semasa di mana ramai individu terjejas pendapatan atau hilang pekerjaan akibat pandemik COVID-19.

Jika sebelum ini Kilafairy menjana pendapatan diri dengan berlakon dan menyanyi, namun disebabkan aktiviti seni terbatas dia beranikan diri untuk bermula.

"Dalam keadaan sekarang, lakukan apa sahaja demi kelangsungan hidup. Jangan ada rasa malu untuk mulakan sesuatu yang baharu atau tidak pernah kita lakukan."

"Saya tahu, pasti ada yang rasa malu apakah lagi jika sebelum ini mereka mendapat gaji tetap yang besar setiap bulan. Tiba-tiba perlu bermula dari awal untuk bermula secara kecil-kecilan atau sebagainya."

"Jauhkan rasa negatif itu jauh-jauh. Apabila kita susah, siapa nak bagi kita makan dan bersama kita melainkan keluarga. Jadi, jangan ada rasa malu," jelas Kilafairy atau nama sebenarnya Syakila Nisa Jahangir Khan, 28.

Untuk itu, demi diri sendiri dan mahu membantu masyarakat, Kilafairy mengambil keputusan berkolaborasi dengan pengasas jenama produk kecantikan UFORA, Supia Saupi, 28, dengan memperkenalkan Skim Dropship Tanpa Modal.

"Kami nak ajak orang di luar sana bermula tanpa modal. Maksudnya mereka boleh bermula tanpa perlu keluar duit."

"Tidak kira jantina semuanya boleh turut serta. Sesiapa yang berangan nak bermula tapi tiada duit atau modal, inilah jalan terbaik untuk merealisasikan impian itu."

"Kami amat menggalakkan penyertaan ramai. Kami memang berhasrat nak membantu. Saya sendiri begitu bersimpati dengan mereka yang hilang kerja atau dipotong gaji," ujarnya lagi.

Baru-baru ini, Kilafairy muncul dalam sidang media virtual Pelancaran produk dan Skim Dropship Tanpa Modal berjudul UFORA X KILAFAIRY yang dibuat secara langsung menerusi Facebook live UFORA HQ.

Mereka yang berminat menjana pendapatan bersama Kilafairy boleh layari laman web www.uforacosmetics.com dan menghubungi hotline 01120673667.



KILAFAIRY

Perbadanan Labuan agih kit makanan kepada 23 kumpulan penghibur jalan



KORESPONDEN
KHAIRUL IDIN

MEMAHAMI terhadap nasib penghibur jalanan (*busker*) yang hilang punca pendapatan susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0 dalam mengekang penularan pandemik COVID-19, Perbadanan Labuan salur bantuan kit makanan kepada 23 buah kumpulan penghibur jalanan.

Ketua Pegawai Eksekutif PL, Dr Fary Akmal Osman berkata, 3 sumbangan itu merupakan salah satu program di bawah 5MY Wilayah

Persekutuan iaitu MYFood@Wilayah yang telah dilancarkan oleh Perdana Menteri pada 31 Januari lalu.

“Sebanyak 23 kumpulan penghibur jalanan di Labuan yang terkesan dalam tempoh PKP 2.0 telah menerima bantuan kit makanan MYFood@ Wilayah,” katanya.

Beliau berkata sedemikian ketika sesi penyerahan Bantuan Kit Makanan kepada 23 kumpulan penghibur jalanan secara penuh lalu di Bangunan Wisma PL, pada Ahad lalu.

Sesi penyerahan itu turut dipantau oleh pegawai Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) Labuan Kapten (PA) Japlin Siping.

Justeru itu, beliau berharap

dengan adanya sumbangan tersebut dapat membantu meringankan beban golongan itu dalam menghadapi kesulitan pada waktu ini.

Sementara itu, Pengurus Labuan Busker Club (LBC) Muhammed Rizal Alias bekata, pihaknya ucapan terima kasih kepada PL dan Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) atas sumbangan yang disalurkan kepada mereka.

“Alhamdulillah, dengan adanya sumbangan MYFood@ Wilayah ini dapat membantu serba sedikit meringankan beban yang kami hadapi semenjak pelaksanaan PKP 2.0.

“Terima kasih kepada PL atas keprihatinan serta mengambil peduli nasib penghibur jalanan,” katanya.

WK



DR Fary menyerahkan bakul kit makanan kepada salah seorang penghibur jalanan.



AMIR (kanan) menyampaikan cenderahati kepada Ketua Pesuruhjaya APM ketika mengadakan kunjungan hormat, baru-baru ini.

Kerjasama PL-APM wujudkan peluang sukarelawan kepada belia

PERBADANAN Labuan (PL) bekerjasama dengan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) bagi mewujudkan peluang dalam bidang pengurusan kecemasan kepada golongan belia di pulau itu.

Pengerusi PL, Dato' Sri Amir Hussein berkata, pihaknya telah mengutarakan perkara tersebut kepada APM untuk mewujudkan peluang kepada anak jati Labuan lepas sekolah untuk menceburkan diri dalam bidang itu.

“Sebagai permulaan, PL

dan APM akan mendapatkan seramai 20 orang belia di pulau ini sebagai perintis.

“Jumlah itu akan disasarkan akan mencapai sejumlah 100 orang belia,” katanya ketika mengadakan kunjungan hormat di Pejabat Ketua Pesuruhjaya APM, pada Rabu lalu.

Tambah beliau, sekiranya program kerjasama dengan APM itu mendapat sambutan yang baik daripada golongan belia program itu akan dikekalkan.

Beliau berkata, dengan

pendekatan tersebut, ia mampu memberikan pendedahan awal kepada golongan belia dalam persediaan awal dalam menghadapi situasi kecemasan.

“Dalam pada itu, program itu menjadi nilai tambah kepada mereka apabila mencari peluang pekerjaan.

“PL turut mencadangkan kepada APM untuk membuka ibu pejabat regional di Labuan sebagai pusat setempat bagi melatih semua sukarelawan,” katanya. WK

Tiga blok rumah kongsi musnah terbakar

SERAMAI 105 pekerja asing hilang tempat tinggal apabila rumah kongsi mereka musnah dalam kebakaran di Taman Kian Yap, Labuan, tengahari semalam.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Labuan, Ismaili Ismail berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan pada jam 11.48 pagi semalam.

Katanya, sepasukan 45 anggota bersama tiga jentera dari Balai Bomba dan Penyelamat

(BBP) Kampung Jawa, BBP Layangan dan BBP Layangan dikerahkan ke lokasi kejadian.

“Tiba di lokasi kejadian, kami mendapati kebakaran memusnahkan tiga daripada lima blok rumah kongsi jenis teres tidak kekal daripada secara keseluruhan.

“Didapati juga sebanyak 46 buah pintu telah musnah sepenuhnya. Api dapat dikawal pada jam 12.46 tengah hari,” katanya ketika ditemui di lokasi kejadian.

Beliau berkata, disebabkan

struktur rumah terlalu rapat, operasi pemadamkan menjadi sukar.

“Bagaimanapun, dua blok dapat diselamatkan dan tiada kecederaan dilaporkan.

“Punca kejadian dan jumlah kerugian masih dalam siastan,” katanya. WK

ANGGOTA bomba sedang melakukan kerja-kerja pemadamkan kebakaran di rumah kongsi di Jalan Ranch-Rancha berdekatan Taman Kian Yap.



KOMUNITI & MPP

Pembaca Wilayahku boleh kongsikan foto-foto dan aktiviti menarik untuk siaran ruangan ini. Hantarkan e-mel foto berserta keterangan mengenai aktiviti atau program tersebut kepada kami di editorwilayahku@gmail.com dan WhatsApp 011 - 5958 7489. Lampirkan juga nama pengirim dan nombor telefon untuk dihubungi.

MySetiawangsa santuni penunggang E-Hailing

SYAHIDI BAKAR

BAGI menghargai peranan penunggang *e-hailing* sebagai perantara penting dalam perkhidmatan penghantaran pelangan mendorong pertubuhan bukan kerajaan (NGO), menyantuni sebahagian mereka dengan pengisian petrol secara percuma.

Inisiatif prihatin dilaksanakan Persatuan Komuniti Prihatin Setiawangsa (MySetiawangsa) itu, telah memanfaatkan hampir 200 penunggang sebagai antara penyedia khidmat penghantaran utama khususnya ketika penularan pandemik COVID-19.

Menurut Presiden MySetiawangsa, Datuk Mohd. Irwan Rizal, kesemua penunggang *e-hailing* perlu dihargai kerana telah berperanan penting dalam memastikan keperluan komuniti

setempat dapat dipenuhi terutamanya sewaktu tempoh sukar ini.

Beliau berkata, pendekatan proaktif dilaksanakan melalui bantuan petrol secara percuma itu adalah kali kedua dijayaikan MySetiawangsa semenjak bermulanya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Bagi menghargai jasa serta sumbangan besar para *rider* ini, MySetiawangsa akan meneruskan inisiatif yang sama pada masa hadapan sebagai salah satu inisiatif mengurangkan beban mereka.

"Selain menyantuni kesemua *rider* ini, saya juga mengambil peluang berbual dengan mereka yang menyatakan secara purata pendapatan perolehi adalah sekitar RM120 sehari.

"Jadi dengan usaha kami buat, sedikit sebanyak dapat membantu



MOHD. IRWAN menuangkan petrol ke tangki motosikal penunggang *e-hailing* yang disantuni oleh MySetiawangsa dalam program Bantuan Petrol Percuma Kepada Rider *E-Hailing*.

mereka menjimatkan belanja," katanya ketika hadir memberikan Bantuan Petrol Percuma Kepada

Rider *E-Hailing* di Shell Seksyen 5 Wangsa Maju, baru-baru ini. Dalam pada itu, Mohd. Irwan

turut menggesa pihak kerajaan melalui agensi berwajib supaya memberikan perhatian terhadap aspek kebajikan komuniti *e-hailing*.

"Tahap kesedaran berkenaan pentingnya mereka mendaftar dengan PERKESO perlu diperluaskan lagi serta bantuan lain yang wajar perlulah turut diperhalusi dan dipanjangkan kepada mereka.

"Jadi, pendekatan ini membolehkan bantuan atau inisiatif dilaksana kerajaan dapat sampai kepada kumpulan sasar rakyat," katanya sambil menyatakan pihak MySetiawangsa akan meneruskan inisiatif bantuan dan kesedaran untuk komuniti *e-hailing* supaya mereka dapat teruskan kehidupan lebih kondusif seterusnya memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan. **WK**

Bantu penduduk di bawah garis kemiskinan

USAHA menyantuni rakyat melalui pelbagai inisiatif bantuan yang diperkenal Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) disambut positif banyak pihak termasuk Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) Sub Zon 6, Bukit Bintang.

Berperanan sebagai penghubung kerajaan dengan rakyat, MPPWP ini menyifatkan program MYBeras@Wilayah dan Food Basket, platform terbaik bagi membantu penduduk di bawah garis kemiskinan menempuh kehidupan lebih mudah.

"Jutaan terima kasih atas keprihatinan Kementerian Wilayah Persekutuan dan kerajaan yang terus membantu golongan sasar terkesan akibat pandemik COVID-19," kata Setiausaha MPPWP Sub Zon 6, Bukit Bintang, Robiah Abd Rani.

Menurutnya, Program MYBeras@Wilayah pada masa ini menyediakan sebanyak 5,750 kampit beras diedarkan setiap minggu kepada warga penduduk golongan B40 di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

"Berdasarkan statistik, golongan B40 berada bawah garis kemiskinan di Wilayah Persekutuan dianggarkan lebih 30,000 keluarga. Jadi, saya berpendapat program pemberian beras percuma ini sangat baik dan boleh



ROBIAH Abd. Rani (tengah) ketika berkunjung ke kawasan penempatan penduduk di bawah seliaan MPPWP Sub Zon 6, Bukit Bintang menyerah sumbangan MYBeras @Wilayah dan Food Basket kepada 100 keluarga B40, baru-baru ini.

diperluaskan ke negeri lain supaya bersifat menyeluruh bagi memastikan ia berhasil membantu rakyat.

"Sebolehnya inisiatif terbaik sebegini tidak bersifat statik sebaliknya, fokus kepada keluarga B40 bukan sahaja di PPR, PA atau flat tetapi juga harus peka masyarakat yang memerlukan di segenap kawasan penempatan," ujarnya.

Sementara itu, dalam program agihan sejumlah hampir 100 kampit beras dan Food Basket telah diagihkan MPPWP Sub Zon 6, Bukit Bintang kepada penduduk di Taman Sungai Besi (15 penerima), PPR Salak Selatan

(16), Salak Selatan Baru (30) dan Razak Mansion 30 penerima, terdiri daripada warga B40 memerlukan.

MPPWP Sub Zon 6 Buktur Bintang juga kata Robiah, menyambut baik usaha Menteri, YB Tan Sri TPr Annuar Musa membantu rakyat terjejas ekonomi dan sara hidup akibat pandemik COVID-19, lalu menjayakan program MYBeras@Wilayah dan Foodbasket ini.

"Apa yang dilakukannya wajar mendapat pujian dan menjadi contoh dalam membela nasib rakyat yang kini sedang bergelut untuk teruskan kehidupan seharian. **WK**

10 kampung pamer kreativiti seni

SESI penjurian untuk Pertandingan Keindahan dan Pencahayaan Kampung Bharu yang dianjurkan sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan (SHWP) 2021, menyaksikan 10 buah kampung telah mengambil bahagian.

Dengan mempamer hasil kreativiti seni tersendiri, keindahan hiasan yang ditampilkan ternyata mencuri tumpuan panel juri terdiri daripada wakil penaja antaranya Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu (PKB), Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) dan MPPWP Sub Zon 5, Titiwangsa.

Ketua Pegawai Eksekutif PKB, Datuk Lokman Omar menyifatkan, kreativiti ditonjol oleh semua penduduk kampung mengambil bahagian sangat luar biasa malah dekorasi pencahayaan direka amat menarik mata memandang.

Beliau berkata, secara keseluruhan sesi penjurian yang berlangsung mulai 8 malam, 13 Februari itu melibatkan penilaian tujuh kampung, selain dua unit flat dan satu pangaspuri sekitar Kampong Bharu ini.

"Antara kampung yang mengambil bahagian ialah Kampung Periuk, Hujung Pasir, Kampung Paya,

Kampung Pindah selain Kariah Kampung Atas A dan B, wakil Flat Rumah Teres Sungai Baru serta Flat PKNS yang menawarkan



ANTARA hiasan dan dekorasi menarik yang ditonjolkan oleh peserta di Kampung Pindah, Kampong Bharu yang mengambil bahagian dalam pertandingan ini.

hadiah wang tunai RM3,000 untuk juara, tempat kedua (RM2,000) dan ketiga (RM1,000) selain tujuh hadiah saguhati (RM500) setiap satu.

"Pertandingan ini diadakan mulai 27 Januari lalu hingga 27 Februari, sebelum pemenangnya akan diumum pada 21 Februari melalui siaran FB Live PKB, pada 11 pagi, Ahad dalam program penutup dan pengumuman Pemenang Program Merakam Lensa Indahnya Pintasan Saloma," katanya.

Selain Lokman, sesi penjurian turut disertai oleh Pengurus PKB, Datuk Affendi Zahari, Pengurus MPPWP Zon Titiwangsa, Datuk Azizul Rahman Mohd

Hussain Malim dan Pengurus Kanan YWP, Datin Ida Harlina Ikhwan Nasir.

Antara kriteria penjurian yang diambil kira untuk pemarkahan merangkumi aspek, tema, konsep, kekemasan dan kreativiti dengan setiap peserta dinilai berdasarkan elemen yang ditetapkan.

"Pertandingan dianjur sebagai menyahut saranan Menteri Wilayah Persekutuan supaya diadakan satu pertandingan melibatkan penduduk. Ia sebagai tanda solidariti warga Kampong Bharu, menyatakan semangat muhibbah dan integrasi antara kaum harmoni di Wilayah Persekutuan ini," kata Azizul Rahman. **WK**

AINI MAWAWI

ANGKA jangkitan serta korban COVID-19 semakin mengerunkan. Malah kehadiran virus yang mengancam nyawa ini juga telah memberi kesan terhadap semua sektor tidak terkecuali sukan.

Justeru, bagi mengekang penularannya, pihak kerajaan terpaksa menjalankan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sekali gus menyaksikan aktiviti sukan terpaksa dihentikan sebelum ini.

Pun begitu, apabila aktiviti sukan (tidak bersentuhan) dibenarkan beroperasi semula baru-baru ini, banyak pihak yang menarik nafas lega.

Ironinya, di sebalik kebenaran tersebut, tidak dinafikan impaknya masih tetap dirasai oleh pihak yang terlibat.

Bagi merungkai persoalan, Wilayahku sempat menemu bual Pengarah Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP), Dr. Hasnul Faizal Hushin Amri.

WILAYAHKU: Cabaran bagi MSWP apabila acara sukan dihentikan baru-baru ini?

HASNUL: "Program latihan yang telah dirancang terganggu dan tidak dapat diteruskan. Ini secara tidak langsung menjejaskan prestasi dan persiapan para atlet menghadapi kejohanan besar peringkat negeri Sukan Malaysia

PKP: Antara cabaran dan kesan kepada sukan Wilayah

(SUKMA).

"Ketidaaan kejohanan tempatan dan kebangsaan yang dianjurkan menyukarkan untuk membuat penilaian terhadap prestasi pasukan dan atlet bagi setiap sukan yang bakal disertai di SUKMA."

"Malah pemantauan terus secara bersemuka oleh jurulatih juga tidak dapat dilaksanakan bagi memberi nasihat berkaitan kesalahan dan menambah baik kemahiran dan teknikal. Lazimnya jurulatih sentiasa berkomunikasi membuat teguran secara terus semasa latihan di lapangan."

WILAYAHKU: Bagaimana pula dengan atlet, adakah mereka dapat menerima keadaan tersebut?

HASNUL: "Dari aspek psikologi atlet, ada dalam kalangan mereka yang berasa kecewa kerana setelah sekian lama berlatih, mereka tidak dapat menunjukkan prestasi mereka yang sebenar di SUKMA yang telah ditangguhan

sebanyak dua kali sebelum ini iaitu pada Julai 2020 dan Mac 2021.

"Ketidaaan latihan intensif dan berterusan memberikan kesan kepada tahap kecerdasan dan keadaan fizikal atlet. Ada di antara mereka mengalami pertambahan berat badan akibat kurangnya latihan yang fokus kepada setiap keperluan fizikal walaupun latihan dibuat secara dalam talian setiap minggu."

WILAYAHKU: Perkembangan pusat latihan sukan berpusat MSWP.

HASNUL: "Dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) pada akhir tahun 2020 MSWP telah melaksanakan program latihan berpusat secara Quarantine Based Approach (QBA) menggunakan kaedah yang diguna pakai oleh pihak Majlis Sukan Negara (MSN)."

"Program ini merupakan satu projek rintis menilai keberkesanan dan ujilari konsep QBA untuk pasukan Wilayah Persekutuan. Pengalaman yang diperolehi dari projek rintis KLAS (Kem Latihan Atlet SUKMA 2020) dijadikan panduan untuk perancangan persediaan SUKMA 2022."

"Bagi memastikan kesinambungan program Persediaan Atlet SUKMA Wilayah Persekutuan dijalankan secara berterusan, MSWP sedang merancang untuk menyediakan fasiliti latihan yang boleh dijalankan secara QBA."

"Fasiliti latihan yang dirancang ini bakal mempunyai asrama atlet, gym, ruang makan, ruang rawatan, padang dan

“Ada di antara mereka mengalami pertambahan berat badan akibat kurangnya latihan yang fokus kepada setiap keperluan fizikal walaupun latihan dibuat secara dalam talian setiap minggu.”

gelanggang latihan. Perancangan penyediaan kemudahan ini akan memberi manfaat kepada 700 atlet dan 88 orang jurulatih Wilayah Persekutuan.

WILAYAHKU: Kejohanan terkini yang bakal berlangsung anjuran MSWP.

HASNUL: "Sebenarnya berdasarkan Takwim Program MSWP pelbagai program utama sudah dijadualkan untuk mengisi kalendar aktiviti sepanjang 2021. Antara program utama yang dirancang Seperti Sukan Antara Parlimen, Karnival Sukan Sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan dan Sukan Wilayah Persekutuan."

Buat masa ini, MSWP akan terus melihat kepada perkembangan dan arahan kerajaan dari semasa ke semasa. Jika keadaan membenarkan kita akan mula menggerakkan semula beberapa program.

WILAYAHKU: Apa harapan Dr. pada arena sukan dalam situasi yang mencabar ini.

HASNUL: "Saya berharap wabak ini akan berakhir dan kita rakyat Malaysia dapat kembali kepada kehidupan normal tanpa ada sekat untuk bersukan."

"Dalam pada itu, saya juga berharap semua pemegang taruh seperti MSN, Majlis Sukan Negeri-Negeri dan Persatuan Sukan Negeri dan Kebangsaan dapat bersama-sama memikirkan kaedah terbaik bagi meletakkan sukan kekal menjadi budaya kepada rakyat Malaysia dan dalam masa sama membantu kerajaan memerangi COVID-19."

"Saya optimis Malaysia akan kembali dipenuhi dengan aktiviti sukan sama ada sukan prestasi tinggi atau sukan massa mengambil kira usaha yang telah dilaksanakan oleh kerajaan khususnya Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). **WK**



KECERGASAN fizikal dan stamina atlet penting dalam memastikan kecemerlangan sukan.



DR HASNUL FAIZAL



Dapatkan e-Paper percuma **Wilayah Ku**
Whatsapp ke nombor 011-5958 7489



PKP: Antara cabaran dan kesan kepada sukan Wilayah

► 15



GOLONGAN miskin bandar semakin meningkat sejak penularan wabak COVID-19.

KWP, MOF sedia melihat pelbagai pilihan baharu bagi menangani isu

Miskin bandar: Jawatankuasa sementara dibentuk

SEBUAH jawatankuasa sementara antara Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Kementerian Kewangan (MOF) akan dibentuk bagi mencari kaedah inklusif untuk menangani masalah kemiskinan bandar.

Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa berkata, jawatankuasa itu akan dibentuk berdasarkan laporan Tabung Kecemasan Kanak-kanak Antarabangsa PBB (UNICEF) tentang keadaan kemiskinan dalam bandar khususnya di kawasan projek perumahan rakyat (PPR).

"Ia turut berperanan untuk mengenal pasti kejadian-kejadian kemiskinan dan laporan terbaharu itu turut menyatakan bahawa PKP (Perintah Kawalan Pergerakan) 2.0 telah menambah lagi bilangan orang yang hilang pekerjaan dan meningkatkan pengangguran," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar di Pusat Gelandangan Sementara di Dewan Komuniti Sentul

Perdana selepas melakukan tinjauan pertanian bandar di PPR Seri Malaysia di Desa Petaling pada Sabtu yang turut dihadiri Ketua Setiausaha KWP, Datuk Seri Rosida Jaafar dan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah.

Annuar berkata, beliau dan Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz akan mempengaruhi bersama jawatankuasa sementara itu bagi melihat secara khusus kaedah lain yang boleh digunakan untuk meningkatkan lagi peranan dan usaha kerajaan dalam memberikan perhatian terhadap kemiskinan bandar.

"Kita mahu masyarakat tahu bahawa kerajaan serius dalam soal untuk membasmikan kemiskinan dan kita komited serta bersedia untuk melihat apa lagi pilihan selain yang sudah dilaksanakan."

"Ketika ini pelbagai program yang sedia ada seperti untuk meningkatkan bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), meningkatkan dana mudah cara melalui skim mikro kredit itu

banyak yang sudah ada, tetapi bagaimana hendak menjadikannya lebih berkesan lagi."

"Jadi untuk itu, saya mengalau-alukan sekiranya ada pihak yang ada idea untuk memperkenalkan kaedah-kaedah lain dan KWP sendiri turut akan mereka bentuk program sendiri selain akan mempergiatkan lagi program SMY," katanya.

Annuar memberitahu, beliau sudah berbincang dengan Ketua Setiausaha KWP, bagi meningkatkan lagi program-program SMY di seluruh kawasan sasarannya di Wilayah Persekutuan.

"Bagi program MYMedic@ Wilayah, jumlah bas atau trak perubatan akan ditambah dan saya sudah mendapatkan sumbangan untuk kenderaan-kenderaan perubatan bergerak ini daripada beberapa pihak NGO atau pihak-pihak yayasan."

"Begini juga dengan program MYGroceries@Wilayah, kita juga akan menambahkan lagi bilangan trak-trak ini untuk kita mencakupi seberapa banyak kawasan yang kita anggap adanya golongan miskin," katanya. WK

Isu Sugar Baby: Iman Suhana harap gadis berusaha untuk berjaya

DEEL ANJER

SEJAK akhir-akhir ini, isu 'sugar baby' menjadi perbualan dalam kalangan masyarakat dan warganet.

Trend lelaki berstatus suami memiliki wanita simpanan atau 'sugar baby' mula hangat diperkatakan apabila laman sesawang temu janji terbesar di dunia, SeekingArrangement tular di media sosial.

Ia kedengaran kurang manis apabila 'sugar baby' melibatkan gadis muda misalnya pelajar institusi pengajian tinggi disifatkan mendekati 'sugar baby' atau suami orang untuk mengecapi kemewahan hidup.

Situasi ini seolah-olah cuba menunjukkan 'sugar baby' sanggup mengkhianati rumah tangga pasangan lain demi kepuasan sendiri.

Pelakon drama bersiri Takdir Yang Tertulis, Iman Suhana berpendapat usaha gigih mencari rezeki adalah lebih baik untuk keluar dari kepompong kemiskinan hidup.

"Berusahalah lebih keras untuk berjaya atau mencapai impian dalam kehidupan masing-masing. Saya tahu, ramai yang melalui kesukaran hidup sekarang namun masih banyak cara lain untuk mengatasi kesusahan tersebut."

"Mungkin ada yang seronok mengecapi kemewahan hidup dengan jalan mudah tapi sampai bila. Sebagai orang Islam, mereka patut tahu yang keberkatan rezeki sangat dititikberatkan."

"Jangan jadi seperti Che Salmah (merujuk watak Didie Alias dalam Takdir Yang Tertulis) yang sanggup mengkhianati orang lain kerana mahu hidup mewah."

"Kebahagiaan yang dicari bukanlah semata-mata dengan kekayaan. Ketenangan tanpa mengkhianati sesiapa itu lebih penting," jelas Iman Suhana atau nama sebenarnya Norsuhana Mohamad Wahid, 31.

Bercerita tentang kerjaya, Iman mengaku tidak mudah membawa watak sebagai Ruzita dalam Takdir

Yang Tertulis.

"Watak Ruzita ni banyak sangat muslihat atau permainannya. Karakternya berubah-ubah.

"Sekejap kelam kabut, blur dan jadi pengoda. Kemudian dia boleh jadi penyiasat, anak derha-ka, mulut longkang dan ustazah."

"Paling mencabar adalah karakter kelakar yang bersahaja. Risau juga kalau kelakar itu dibuat-buat atau tidak menjadi."

"Alhamdulillah, ramai yang suka dengan lakonan saya. Walaupun agak sukar sebenarnya saya nak hayati watak ini, tapi saya berbaloi dan lega," ujarnya yang sudah banyak berlakon drama antaranya Monalisa, Aku Yang Merinduimu, Lara Syakila, Love Elsa dan sebagainya. WK

